



NEGERI BRUNEI

E 4 TAHUN 1976

UNDANG<sup>2</sup> PELAJARAN  
(LEMBAGA PEPEREKSAAN<sup>2</sup> BRUNEI),  
1976.

Beta bersetuju,



HASSANAL BOLKIAH  
*Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan.*

Satu Undang<sup>2</sup> untuk menubohkan Lembaga Pepereksaan<sup>2</sup> Pelajaran Brunei dan untuk membuat sharat<sup>2</sup> bagi perkara<sup>2</sup> yang berkenaan dengan-nya.

[ 1-1-1975 ]

Gelaran dan  
permulaan.

1. Undang<sup>2</sup> ini boleh di-gelar sebagai Undang<sup>2</sup> Pelajaran (Lembaga Pepereksaan<sup>2</sup> Brunei), 1976 dan hendak-lah di-anggap telah berjalan kuat-kuasa-nya pada 1 haribulan Januari, 1975.

Penubohan dan  
susunan Lem-  
baga Peperek-  
saan<sup>2</sup> Brunei.

2. (1) Maka hendak-lah di-adakan sa-buah Lembaga yang di-gelar Lembaga Pepereksaan<sup>2</sup> Brunei (sa-lepas ini di-sebut sa-bagai Lembaga).

(2) Yang berikut akan menjadi ahli<sup>2</sup> Lembaga : —

- (a) sa-orang Pengerusi, yang akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;
- (b) Pengarah Pelajaran atau wakil-nya;
- (c) Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama atau wakil-nya; dan
- (d) tidak kurang daripada tujoh dan tidak lebih daripada sa-belas orang ahli lain yang akan di-lantek oleh Baginda.

(3) Baginda akan melantek sa-orang Setia-usaha Lembaga.

(4) Tiap<sup>2</sup> ahli Lembaga yang di-lantek oleh Baginda akan memegang jawatan selama tiga tahun melainkan di-titahkan sa-balek-nya oleh Baginda :

Dengan sharat bahawa Baginda boleh pada bila<sup>2</sup> masa membatalkan mana<sup>2</sup> lantekan sedemikian.

(5) Manakala tamat tempoh jawatan sa-saorang ahli yang di-lantek oleh Baginda, maka Baginda boleh melantek semula ahli tersebut bagi suatu tempoh selanjut-nya.

(6) Apakala sa-orang ahli Lembaga meninggal dunia, bengkrap, tidak berupaya menjalankan tugas, meletakkan jawatan, tidak ada dalam negeri selama lebih dari enam bulan dengan tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Pengerusi atau perlantekan-nya di-batalkan, maka ia dengan serta-merta terhenti daripada menjadi ahli Lembaga dan sa-orang ahli baru akan di-lantek.

(7) Tiada sebarang tindakan atau perjalanan kerja Lembaga ini boleh di-perso'alkan oleh sebab kekosongan apa jua jawatan dalam Lembaga.

Persidangan  
Lembaga.

3. (1) Lembaga hendak-lah bersidang sekurang2nya dua kali sa-tahun, dan boleh bersidang pada bila2 masa yang mungkin di-anggap perlu.

(2) Koram Lembaga ia-lah tujoh orang ahli.

(3) Jika berlaku undi yang sama mengenai sabarang perso'alan maka Pengerusi akan mempunyai undi pemutus sa-lain dari undi asal-nya.

(4) Terta'alok kapada sharat2 dari Undang<sup>2</sup> ini, Lembaga boleh mengator achara-nya sendiri.

Lantekan  
pegawai2.

4. Baginda boleh melantek pegawai2 untuk bertindak di-bawah arahan dan kawalan 'am Lembaga yang di-fikirkan-nya perlu bagi maksud Undang<sup>2</sup> ini.

Tugas.

5. (1) Lembaga akan terta'alok kapada sharat2 Undang<sup>2</sup> ini dan mana2 peratoran yang di-buat di-bawah-nya bertanggong-jawab bagi menjalankan pepereksaan2 bagi maksud Undang<sup>2</sup> ini.

(2) Pepereksaan2 yang akan di-adakan termasuk :—

(a) pepereksaan yang akan di-namakan "Brunei Junior Certificate of Education" dan "Sijil Rendah Pelajaran Brunei" yang akan di-adakan pada suatu peringkat dalam kursus menengah yang akan di-tetapkan;

(b) pepereksaan2 yang akan di-namakan "Brunei Cambridge General Certificate of Education (Ordinary Level/Sijil 'Am Pelajaran Singapura-Cambridge (Peringkat Biasa)" dan "Brunei-Cambridge General Certificate of Education (Advance Level)/Sijil 'Am Pelajaran Singapura-Cambridge (Peringkat Tinggi)" yang akan di-adakan pada penghujung kursus sekolah menengah;

(c) apa jua pepereksaan lain yang akan di-jalankan untuk atau bagi pehak mana2 badan (sama ada tempatan atau seberang laut) yang di-anggap oleh

Mentri Besar sa-bagai berfaedah bagi  
kepentingan orang ramai untok di-  
adakan.

Kuasa untuk  
membuat  
peratoran<sup>2</sup>.

6. (1) Mentri Besar dengan persetujuan Baginda boleh sa-lepas berunding dengan Lembaga membuat peratoran<sup>2</sup> pada 'am-nya untok menjalankan Undang<sup>2</sup> ini dan dengan tidak mengurangkan kuasa<sup>2</sup> 'am itu boleh membuat peratoran<sup>2</sup> yang mempersharatkan —
- (a) Pepereksaan<sup>2</sup> yang akan di-adakan bagi maksud Undang<sup>2</sup> ini;
  - (b) waktu<sup>2</sup> dan tempat<sup>2</sup> pepereksaan akan di-adakan; dan kelayakan<sup>2</sup> serta sharat<sup>2</sup> memasoki pepereksaan;
  - (c) bayaran<sup>2</sup> yang akan di-bayar untok memasoki pepereksaan;
  - (d) sukatan<sup>2</sup> mata-pelajaran dan bahasa pengantar bagi pepereksaan<sup>2</sup>;
  - (e) perjalanan pepereksaan<sup>2</sup>;
  - (f) perlantekan orang<sup>2</sup> untok membuat, menilai atau memereksa kertas<sup>2</sup> pepe-  
reksaan; dan menetapkan bayaran<sup>2</sup> yang akan di-bayar kapada orang<sup>2</sup> itu.
- (2) Mentri Besar dengan persetujuan Baginda boleh menyerahkan kapada Lembaga kuasa untuk membuat peratoran<sup>2</sup> yang mempersharatkan perkara<sup>2</sup> yang di-nyatakan dalam perenggan<sup>2</sup> (b), (c) dan (d) cheraian (1) dari bab ini.

Laporan  
Tahunan.

7. Lembaga akan, dengan sa-chepat mungkin sa-lepas tiap<sup>2</sup> penghujong tahun kalendar, menyebabkan supaya satu laporan di-buat dan di-hantar kapada Mentri Besar mengenai kegiatan<sup>2</sup> Lem-  
baga di-sapanjang tahun sa-belum-nya dan mengandungi ma'alumat sedemikian yang Mentri Besar mungkin mengarahkan.

Pegawai<sup>2</sup> hen-dak-lah di-anggap sebagai pegawai<sup>2</sup> Kerajaan.

8. Tiap2 orang yang di-lantek di-bawah atau yang dengan sah menjalankan kuasa<sup>2</sup> sa-barang orang yang di-lantek di-bawah kandongan Undang<sup>2</sup> ini akan di-anggap sebagai kakitangan Kerajaan bagi maksud Undang<sup>2</sup> Hukuman Jenayah.

Di-luluskan pada 12hb. Januari, 1976.

JUDIN ASAR

*Jurutulis,*

*Majlis Mashuarat Negeri,  
Brunei.*